

**UCAPAN HJ ZAHID AHMAD
PENGERUSI LEMBAGA PENTADBIR MASJID AL-ANSAR
DI PELANCARAN PELAN PENINGKATAN MASJID PADA HARI
JUMAAT 14 OKT 2011 BERSAMAAN 16 ZULKAEDAH 1432H**

Yang Berhormat
Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Penerangan, Perhubungan dan Kesenian merangkap
Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwat Masyarakat Islam

Yang Berbahagia
Dr Mohd Maliki Osman
Setiausaha Parliamen Kanan
Kementerian Pertahanan & Kementerian Pembangunan Negara &
Datuk Bandar Daerah Tenggara

Yang Berbahagia
Haji Mohd Alami Musa
Presiden Majlis Ugama Islam Singapura

Sohibus Samaha
Dr Mohd Fatris Bakaram
Mufti Negara Singapura

Yang Berbahagia
Haji Abdul Razak Maricar
Setiausaha Majlis Ugama Islam Singapura

Rakan-rakan Pengerusi Masjid dan Anggota Lembaga Pentadbir
Masjid

Para relawan dan jemaah yang dihormati sekalian

Assalammualaikum wr wb.

1 Alhamdulillah, pertama-tama saya mengucapkan syukur
ke hadrat Allah SWT kerana telah memberikan kita kesejahteraan

dan pelbagai nikmatnya untuk membolehkan kita menjalankan segala urusan di dunia ini sebagai hambanya dan pada masa yang sama, sebagai pengamanah atas apa jua yang dipertanggungjawabkan atas kita semua.

2 Terima kasih kami ucapkan kepada Menteri, Dr Yaacob Ibrahim kerana meluangkan masa untuk sama-sama bersolat Jumaat di masjid ini yang akan dipimpin oleh Sahibus samahah Mufti Negara Dr Mohd Fatris Bakaram dan sekaligus mengesahkan dan melancarkan rancangan bagi kerja-kerja peningkatan Masjid Al-Ansar.

Jemaah yang saya hormati sekalian,

3 Masjid Al-Ansar telah dirasmikan pembukaannya pada 14 Jun 1981 bersamaan 11 Syaaban 1401H, iaitu 30 tahun dahulu.

4 Pada masa itu masjid ini dibina khusus sebagai rumah ibadah dan Al-Ansar dibina untuk memberi khidmat kepada penduduk Bedok, Chai Chee dan sekitarnya. Kini, fungsi masjid banyak berbeza. Ia bergiat sebagai sebuah institusi yang telah melebarkan jaringan perkhidmatannya dalam pembelajaran Islam, meningkatkan pembangunan sosial, menjalin rangkaian kerja dengan pelbagai agensi dan institusi dan juga menjangkau dan mendekati masyarakat di luar masjid.

5 Dalam pembelajaran Islam, Unit Pendidikan Al-Ansar memberi khidmat pendidikan dari peringkat tadika sehingga peringkat pos-menengah dalam sistem pendidikan Islam. Ini termasuk kurikulum aLIVE yang telahpun bermula secara bertahap semenjak 2004.

6 Bagi peringkat dewasa pula, pembelajaran agama harian termasuk kuliah selepas Maghrib dan Isyak. Kami menggunakan pendekatan interaktif dengan jemaah, lantas menjadikan kelas-kelas tersebut “dua-hala” atau “*two-way communication*”.

7 Unit Pembangunan Sosial pula bergerak aktif dalam mendekati keluarga yang memerlukan bantuan. Sebagai salah satu dari empat buah masjid di Kelompok Tenggara yang menerajui program pengupayaan atau (empowerment) bagi keluarga penerima zakat, pelbagai program diusahakan untuk membantu keluarga tersebut. Malah, sebahagian dari mereka bukan sahaja dapat keluar dari senarai penerima bantuan, tetapi juga telah menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti masjid. Dalam hal ini, program pendamping atau (befriender) memainkan peranan penting dalam memberi sokongan merealisasikan usaha-usaha ini.

8 Masjid Al-Ansar juga bekerjasama dengan institusi-institusi dan badan dalam usaha membantu dan mendekati masyarakat. Kita bekerja rapat dengan SECDC melalui hubungan kita dengan Masjid Kelompok Tenggara atau (South East Mosque Cluster) dan menjadi anggota rangkaian CLN (ComCare Local

Network). Misalnya, kita bekerja rapat dengan NTUC Eldercare dan menerusi hubungan itu, para pendamping kita dapat memahami lebih perihal keperluan dan cabaran warga emas yang merupakan golongan tertinggi yang memerlukan sokongan di senarai penerima bantuan kami.

9 Kami juga tidak lupa akan golongan remaja dan belia dalam usaha kami menjangkau mereka yang luar di sana. Belia Al-Ansar terkenal dengan kumpulan kompanya dan kumpulan rewangnya yang menerima banyak undangan dan tempahan. Di bawah penyeliaan Pegawai Pembangunan Belia Masjid, belia-belia aktif dengan kegiatan pembangunan belia. Belia tersebut juga dibimbing mendalami pembelajaran agama di masjid ini.

Para jemaah yang saya Hormati,

10 Masjid Al-Ansar kini telah menjangkau usia 30 tahun. Keadaannya yang agak usang dan prasarana yang terhad tidak dapat menampung keperluan bagi menjalankan dan mengembangkan program-program pembelajaran Islam dan pembangunan sosial yang diharapkan masyarakat hari ini. Mentelah lagi, dengan profil penduduk yang lebih berusia di kawasan kejiranan Bedok / Chai Chee ini, kami amat memerlukan prasarana yang mesra-warga emas. Pandangan ini dikuatkan lagi dengan hasil dapatan Kajian Profail Kejiranan Masjid iaitu (Mosque Neighbourhood Profile Study) bagi kawasan Bedok yang dibuat oleh Muis yang mendapati ramai yang ditemuduga menyatakan perkara utama

mereka tidak ke Masjid Al-Ansar kerana kekurangan kemudahan yang mesra pengguna iaitu (accessibility and poor amenities issues).

11 Lantas, pihak LPM bersama Muis telah mengambil langkah untuk merancang dan menjalankan peningkatan bagi masjid yang sedia ada ini. Melalui proses musyawarah antara LPM, jemaah, masyarakat dan rakan-rakan kongsi atau (stakeholders), kami telah mengumpulkan dapatan untuk menjadikan masjid ini lebih mesra jemaah dan mesra masyarakat. Insya Allah, para jemaah boleh mengharapkan ruang solat yang lebih luas dan selesa dan ruang sivik di aras 1 dan dewan auditorium di aras 3. Insya Allah, ruang solat untuk keluarga berjemaah juga akan disediakan di aras 1. Ruang solat wanita pula di aras 2. Prasarana ini akan membolehkan perinteraksian yang lebih mesra antara jemaah.

12 Selain itu, ciri-ciri mesra-warga emas dan kurang upaya seperti lif dan laluan tanjakan atau (ramp) akan disediakan. Jemaah juga boleh menjangkakan bertambah bilangan tandas lelaki dan wanita (termasuk bagi yang kurang upaya) di setiap aras, tempat wuduk yang lebih banyak dan selesa. Bukan saja itu, masjid bakal dilengkapi dengan alat mesra-sekitaran seperti alat jimat air dan elektrik dan penggunaan cahaya suria atau (sky-light). Jemaah juga akan rasa lebih selesa dari sekarang kerana ruang solatnya yang lebih terbuka dan tinggi yang menggalakkan peredaran angin yang lebih baik.

13 Di samping itu bagi keperluan pendidikan aLIVE, bilik-bilik darjah dengan kemudahan penggunaan IT akan disediakan sesuai dengan pedagogi terkini. Insya Allah, ini akan memberikan anak-anak kita suasana pembelajaran Islam yang lebih selesa dan menyeluruh. Bilik darjah yang fleksibel ini boleh digunakan untuk ruang solat. Dengan peningkatan ini, Insya Allah masjid ini boleh menampung hampir 4500 jemaah, iaitu penambahan ruang untuk 1,000 lagi jemaah. Kos peningkatan bangunan dianggarkan sekitar \$10 juta.

14 Saya suka nyatakan bahawa pameran dan gambaran wajah dan reka bentuk baru Masjid Al-Ansar sedang berada di Aras 1 untuk tatapan dan pengetahuan jemaah. Pameran akan berada selama 2 minggu iaitu sehingga 28 Oktober 2011. Anda juga memberi maklumbalas mengenai wajah, reka bentuk, ruang-ruang kegunaan masjid baru di borang yang disediakan. Maklumbalas anda akan diambil kira apabila kami berbincang dengan pihak arkitek seterusnya.

Para jemaah sekalian,

15 Sementara kerja-kerja peningkatan masjid dijalankan masjid akan tetap beroperasi di tapak sementara yang akan terletak di tanah lapang berhadapan Blok 547 Bedok North Avenue 1 (dan di simpang Bedok North Road). Program pembelajaran Islam termasuk madrasah aLIVE mingguan, tadika dan pembangunan sosial akan diteruskan seperti biasa di bangunan sementara. Apabila bangunan sementara siap pada suku kedua 2012, Insya Allah, kita akan

berpindah ke sana untuk memberi laluan bagi kerja-kerja peningkatan masjid ini dijalankan. Selepas itu, pada suku ketiga 2012, kita akan mulakan projek peningkatan Al-Ansar di tapak ini.

16 Namun kami sampaikan bahawa ruang solat di bangunan sementara adalah terhad. Ia hanya boleh menampung 1000 lebih jemaah. Walaupun begitu, dalam jangkamasa itu, jemaah boleh menimbangkan ke Masjid Kg Siglap yang bakal boleh menerima lebih 3,000 orang jemaah atau masjid-masjid besar yang berdekatan seperti Masjid Kassim dan Masjid Alkaff Kg Melayu. Harapan kami di Al-Ansar jemaah yang 'beralih angin' ke masjid lain akan kembali semula ke Masjid Al-Ansar setelah ia siap pada akhir suku keempat 2013 nanti, Insya Allah.

17 Dalam kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri Dr Yaacob Ibrahim yang sentiasa memberikan sokongan untuk projek ini.

18 Kami juga berterimakasih kepada Presiden Muis Tuan Hj Alami Musa yang memberi sokongan dan amat prihatin perkembangan projek peningkatan ini. Pihak LPM Al-Ansar juga bersyukur atas sokongan Muis menyuntik \$7 juta dari dana MBMF bagi menampung sebahagian dari kos peningkatan ini.

19 Dan yang amat penting sekali, saya bagi pihak LPM Al-Ansar ingin menyampaikan setinggi-tinggi terimakasih kepada semua para dermawan, relawan serta para jemaah yang telah memberi

sokongan amat padu untuk projek ini. Alhamdulillah, sokongan telah datang melimpah ruah sejak kutipan dana dimulakan 2 tahun dulu. Setakat ini, kami telah mengumpulkan sekitar \$3 juta. Kami akan terus menerima derma dari para jemaah. Sekitar \$2.75 juta lagi diperlukan bagi menampung kos bangunan di tapak sementara tersebut dan juga bagi segala kelengkapan dalaman masjid yang berwajah baru kelak. Kami yakin para jemaah akan terus menghulurkan derma ikhlas anda.

20 Di samping itu, pihak LPM mengharapkan doa dan sokongan para jemaah untuk memastikan kerja-kerja pembinaan tidak menghadapi masalah dan akan siap pada waktu yang dirancang. Hanya Allah jualah yang dapat memberi sebaik-baik ganjaran pada semua, Amin.

21 Mudah-mudahan, setelah siap nanti, ia diharap dapat menjadi mercu kebanggaan para jemaah dan masyarakat Islam Singapura, melambangkan semangat kerjasama dan gotong royong setiap lapisan masyarakat Singapura.

22 Marilah bersama kita membina masjid, membentuk sebuah institusi dan membangun masyarakat Islam cemerlang Singapura dan berdoa kita dapat mencapai hasrat murni ini. Amin.

Sekian. Terimakasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Wr Wb